



PEMBERIAN TARAF BERPENCEN (LANTIKAN TETAP SAHAJA)

1. Pegawai dalam perkhidmatan awam yang tidak bersetuju menerima opsyen Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan genap tempoh selama tidak kurang daripada tiga tahun perkhidmatan yang boleh dimasuk kira adalah layak diberi taraf berpencen mengikut undang-undang pencen yang berkuat kuasa.
2. Pemberian taraf berpencen Badan Berkanun seperti UPSI diuruskan oleh JPA di bawah peruntukan Seksyen 6 Akta 239.
3. Seseorang pegawai adalah layak diberikan taraf berpencen apabila memenuhi syarat-syarat berikut:
 - a) Telah disahkan dalam perkhidmatan;
 - b) Genap tempoh tidak kurang daripada tiga (3) tahun perkhidmatan yang boleh dimasuk kira; dan
 - c) Menolak skim KWSP
4. Setelah memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan pada para 8.3 di atas, Bahagian Sumber Manusia akan mengemukakan perakuan pegawai yang telah memenuhi syarat pemberian taraf berpencen dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh pegawai memenuhi syarat berkenaan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
5. Makluman dan salinan surat kelulusan Pemberian Taraf Berpencen akan dihantar kepada pegawai dan Jabatan Bendahari (untuk tujuan pemberhentian caruman KWSP). Pegawai juga boleh menyemak status surat kelulusan berkenaan di laman web JPA pada pautan <https://apps.jpapencen.gov.my/ptb/> dengan mengisi no kad pengenalan.





Semakan PTB

Bagi Pekerja Pihak- Pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan

PANDUAN
Sila masukkan 12 digit **No. Kad Pengenalan** (tanpa sengkang -), dan klik **Hantar**.

No Kad Pengenalan

Sila masukkan No Kad Pengenalan anc

Hantar

Maklumat akan dipaparkan seperti di bawah dan pegawai boleh mencetak surat kelulusan untuk simpanan dan rujukan.





Semakan PTB

Bagi Pekerja Pihak- Pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan

Maklumat Pegawai

Nama	[REDACTED]
No Kad Pengenalan	[REDACTED]
Jabatan	: UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
Tarikh diberi PTB	: 01/05/2023
Status	: LULUS

Preview Surat Cetak PDF Log Kuar

PENAFIAN

Segala pekeliling dan peraturan yang terdapat dalam Kit Lapor Diri ini tertakluk kepada perubahan dan pindaan dari semasa ke semasa. Oleh itu, menjadi tanggungjawab pengguna kit ini untuk mendapatkan maklumat pekeliling dan peraturan terkini di laman web yang berkaitan.